

TARIKH : 12 OKTOBER 2022

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

Bilangan penganggur makin kurang

Ekonomi negara kembali pulih lonjak keperluan tenaga buruh tempatan

Bilangan penganggur makin kurang

Oleh KAMARIAH KHALIDI

PUTRAJAYA – Bilangan penganggur pada bulan Ogos mencatatkan penurunan kepada 612,000 orang berbanding 620,700 pada bulan sebelumnya. Berdasarkan Statistik Tenaga Buruh terbitan Jabatan Perangkaan Malaysia semalam, kadar pengangguran pada bulan Ogos kekal pada 3.7 peratus.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, kedudukan pasaran buruh pada Ogos kekal stabil berikutan prestasi ekonomi yang semakin baik dan memberangsangkan.

Katanya, aktiviti perniagaan serta sosial yang terus beroperasi seperti biasa membolehkan ekonomi pulih semula dengan lebih kukuh dan keperluan tenaga buruh semakin meningkat.

"Bilangan tenaga buruh pada Ogos 2022 semakin kukuh dengan peningkatan sebanyak 30,500 orang atau bersamaan dengan peningkatan 0.2 peratus kepada 16.63 juta orang (Julai 2022: 16.60 juta orang). Justeru, kadar penyertaan tenaga buruh terus merekodkan peningkatan



SEKTOR pembuatan antara yang mencatat peningkatan dari segi bilangan pekerja. – GAMBAR HIASAN

sejumlah 0.1 peratus kepada 69.7 peratus pada bulan tersebut.

"Bilangan penduduk bekerja pada bulan Ogos 2022 terus stabil dengan merekodkan peningkatan sebanyak 39,300 orang atau 0.2 peratus kepada 16.02 juta orang (Julai 2022: 15.98 juta orang)," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Jelasnya, mengikut sektor

ekonomi, bilangan penduduk bekerja dalam sektor perkhidmatan terus bertambah terutamanya dalam aktiviti perkhidmatan makanan dan minuman, perdagangan borong dan runcit serta aktiviti pentadbiran dan khidmat sokongan.

Beliau berkata, trend yang sama dicatatkan dalam sektor pembuatan dan pembinaan manakala guna tenaga dalam

sektor pertanian serta perlombongan dan penguarian pula berkurangan.

"Kategori pekerja yang bergaji meningkat sebanyak 22,100 orang iaitu pertambahan 0.2 peratus kepada 12.17 juta orang pada bulan Ogos 2022 (Julai 2022: 12.14 juta orang) atau mewakili 76.0 peratus daripada penduduk bekerja.

"Pada masa yang sama, pen-

uduk bekerja sendiri juga meningkat sebanyak 17,200 orang iaitu pertambahan 0.6 peratus kepada 2.80 juta orang (Julai 2022: 2.79 juta orang)," ujarnya.

Tambah beliau lagi, selaras dengan kedudukan ekonomi yang semakin baik dengan unjuran pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) telah meningkat kepada 6.5 peratus sehingga 7.0 peratus pada tahun ini.

Mustapa berkata, kadar pengangguran dijangka terus berkurang secara beransur-ansur pada tahun ini.

"Kerajaan akan terus melaksanakan inisiatif bagi memastikan kadar pengangguran kekal rendah termasuk meneruskan insentif pengajian kepada majikan dan memudah cara pencarian pekerjaan.

"Antara 1 Januari hingga 30 September lalu, seramai 58,550 orang telah menerima manfaat di bawah Program Jamin Kerja Insentif Pengajian dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) telah berjaya melakukan penempatan pekerjaan untuk 143,643 orang dalam tempoh yang sama," katanya.